



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH PERUNTUKAN PERSEKUTUAN JABATAN PERTANIAN

- PINDAAN -

**Pindaan di bawah Lampiran 1 – Skop Projek Bagi Projek Pembangunan RMKe12
muka surat 14-25**

(Pindaan merujuk kepada surat kelulusan Notice of Change (NOC) daripada Kementerian Ekonomi dengan nombor rujukan EPUS.12-12/18/4/1 Jld 3 (2) bertarikh 25 Mac 2022, EPUS.12-12/18/4/1 Jld 5 (6) bertarikh 2 Ogos 2022 dan kelulusan Rolling Plan Ke3 Tahun 2023 dan Rolling Plan Ke4 Tahun 2024)

Pindaan di bawah Lampiran 1 – Skop Projek Bagi Projek Pembangunan RMKe12 muka surat 14-25

(Pindaan merujuk kepada surat kelulusan Notice of Change (NOC) daripada Kementerian Ekonomi dengan nombor rujukan EPUS.12-12/18/4/1 Jld 3 (2) bertarikh 25 Mac 2022, EPUS.12-12/18/4/1 Jld 5 (6) bertarikh 2 Ogos 2022 dan kelulusan Rolling Plan Ke3 Tahun 2023 dan Rolling Plan Ke4 Tahun 2024)

BIL	NAMA PROJEK	KETERANGAN PROJEK	SKOP PROJEK
1.	NAIK TARAF KOMPLEKS PENGEMBANGAN AGRO-TEKNO NEGARA	Salah satu projek untuk memperkasakan perkhidmatan pengembangan pertanian bagi mempercepatkan pemindahan teknologi di sepanjang rantai nilai seterusnya merancakkan pembangunan industri agromakanan negara.	1. Menaiktaraf bangunan, infrastruktur dan kemudahan bagi memantapkan Kompleks Pengembangan Teknologi Tanaman. 2. Perolehan peralatan dan aplikasi (apps) pengembangan pertanian. 3. Pelaksanaan latihan (bengkel, kursus, seminar, program dan lain-lain) untuk diseminasi teknologi kepada golongan sasar.
8.	PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN PESAWAH LUAR JELAPANG (B40)	Projek khas untuk pesawah luar jelapang dalam kategori B40, bagi menambahkan sumber pendapatan mereka sekurang-kurangnya RM1,000/ bulan (dengan menjalankan projek tanaman cash crop secara konvensional atau fertigasi) disamping pendapatan hasil sawahnya.	Sasaran Peserta (Baru): Golongan B40 (Pesawah Luar Jelapang/ Petani/ Beliatani) Sub-Projek 1: Fertigasi/ Akuaponik/ Hydroponik – Tanaman Cili Padi, Halia, Cili, Melon, Sayur Daun dan Sayur Buah. 1. Penyediaan tapak, pembersihan kawasan dan pembangunan infrastruktur ladang, binaan (struktur rumah nutrien, sistem pengairan dan saliran, pemasangan junjung). 2. Perolehan peralatan sistem IOT dan kelengkapan ICT termasuk kerja-kerja pemasangan dan juga latihan. 3. Perolehan bahan input seperti baja, racun, bahan tanaman, peralatan tanaman, peralatan kecil ladang termasuk kos upah dan pemasangan (jika berkaitan).

PINDAAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH PERUNTUKAN PERSEKUTUAN JABATAN PERTANIAN

BIL	NAMA PROJEK	KETERANGAN PROJEK	SKOP PROJEK
			<p>4. Perolehan serta aplikasi jentera dan mesin (termasuk jentera kecil pertanian).</p> <p>5. Pemindahan teknologi, latihan dan pematuhan ke arah piawaian amalan pertanian baik (APB) dan keselamatan makanan.</p> <p>6. Kadar insentif bantuan adalah RM30,000/ peserta/ tahun dengan keluasan maksimum 0.4 ha.</p> <p>Sub-Projek 2: Konvensional – Tanaman Jagung, nanas, betik, ubi, halia, tebu, pisang, tembakai, sayur daun, sayur buah, kesum, pandan, serai.</p> <p>1. Pembersihan kawasan/ penyediaan tapak, pembangunan infrastruktur ladang asas.</p> <p>2. Perolehan peralatan sistem IOT dan kelengkapan ICT termasuk kerja-kerja pemasangan dan juga latihan.</p> <p>3. Perolehan bahan input seperti baja, racun, bahan tanaman, peralatan tanaman, peralatan kecil ladang termasuk kos upah dan pemasangan (jika berkaitan).</p> <p>4. Perolehan serta aplikasi jentera dan mesin (termasuk jentera kecil pertanian).</p> <p>5. Pemindahan teknologi, latihan dan pematuhan ke arah piawaian amalan pertanian baik (APB) dan keselamatan makanan.</p> <p>6. Kadar insentif bantuan adalah RM15,000/ peserta/ tahun dengan keluasan maksimum 1 ha.</p> <p>Sub-Projek 3: Skop Post-Harvest dan Pemasaran Hasil Pertanian.</p> <p>1. Perolehan alat pengreddan hasil dan penyimpanan hasil.</p> <p>2. Pembinaan ruang penyimpanan hasil.</p>

PINDAAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH PERUNTUKAN PERSEKUTUAN JABATAN PERTANIAN

BIL	NAMA PROJEK	KETERANGAN PROJEK	SKOP PROJEK
			<ul style="list-style-type: none"> 3. Perolehan alat bantuan pemasaran dan promosi online dan offline. 4. Hanya boleh dimanfaatkan oleh Peserta Program Peningkatan Pendapatan Pesawah Luar Jelapang dan Golongan Muda (B40) bagi tempoh RMKe-12. 5. Keutamaan kepada peserta-peserta yang aktif mengeluarkan hasil. 6. Kadar insentif bantuan adalah RM5,000/ peserta/ tahun.
24.	PEMBINAAN PEJABAT TEKNIKAL PUSAT PERTANIAN KG. AWAH, MARAN, PAHANG.	Projek ini bertujuan membina pejabat teknikal baharu BPST dan BBT Jabatan Pertanian Malaysia Temerloh, Kg. Buntut Pulau yang sering ditenggelami banjir seterusnya menyebabkan kerosakan kepada dokumen, peralatan dan perabot Jabatan Pertanian.	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pelantikan khidmat perunding 2. Kerja awalan 3. Pembinaan bangunan teknikal yang merangkumi bangunan utama (1 unit), stor (5 unit), pondok keselamatan (1 unit) dan rumah sampah (1 unit) 4. Kerja mekanikal dan elektrikal
25.	NAIKTARAF KEMUDAHAN LATIHAN PEGAWAI JABATAN PERTANIAN DI PUSAT LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PENGEMBANGAN WILAYAH TIMUR, BESUT, TERENGGANU	<p>Fungsi utama PLPP adalah untuk membangunkan kepakaran modal insan Jabatan dengan meningkatkan kompetensi pegawai supaya dapat meningkatkan produktiviti sektor pertanian.</p> <p>Bangunan-bangunan di PLPP Wilayah Timur telah dibina semenjak tahun 1976 dan pada awalnya berfungsi sebagai Institut Pertanian Besut sehingga tahun 2001. Sehingga kini, bangunan dan fasiliti di PLPP Wilayah Timur adalah dalam keadaan sangat uzur dan usang kerana telah berusia 47 tahun.</p> <p>Pada 1 April 2020 hingga 20 Disember 2021, PLPPWT telah</p>	<ul style="list-style-type: none"> 1. Menaiktaraf bangunan asrama sedia ada, kemudahan penginapan yang berkaitan melibatkan bilik-bilik asrama serta bilik kemudahan yang lain. 2. Menaiktaraf elektrik di bangunan pentadbiran, bangunan asrama dan bangunan pejabat ladang. 3. Menaiktaraf bangunan pentadbiran dan kemudahan latihan yang berkaitan. 4. Menaiktaraf bangunan pejabat ladang dan pembangunan kemudahan asas yang berkaitan. 5. Perolehan baharu kelengkapan peralatan bagi kemudahan latihan di bilik kuliah, bilik-bilik di bangunan asrama dan di bangunan pentadbiran. 6. Pembaikan Saliran Paip Agihan Utama ke semua Blok di PLPP.

PINDAAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH PERUNTUKAN PERSEKUTUAN JABATAN PERTANIAN

BIL	NAMA PROJEK	KETERANGAN PROJEK	SKOP PROJEK
		<p>dijadikan sebagai Pusat Kuarantin. Sebanyak 51 bilik asrama penginapan termasuk semua perabot dan kemudahan asas telah diserahkan dalam keadaan yang baik untuk kegunaan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun, selepas pihak KKM serah semula kepada PLPPWT, asrama penginapan dalam keadaan yang tidak baik dan berlaku kebocoran air yang serius kerana kawasan tersebut tidak dibenarkan masuk untuk menjalankan penyelenggaraan berkala dalam tempoh kuarantin.</p> <p>Oleh itu, projek ini adalah sangat penting bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna yang menggunakan kemudahan di PLPPWT, Besut.</p>	